



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/03/20 (HQ)

LAGI KERJA PENGOREKAN PIHAK KETIGA SEBABKAN GANGGUAN BEKALAN

- Terbaharu di Larkin, Johor
- 689 kes di Semenanjung pada 2019

Kerja-kerja pengorekan pihak ketiga merupakan antara cabaran utama kepada usaha Tenaga Nasional Berhad (TNB) memberikan bekalan elektrik tanpa gangguan, dengan yang terbaharu di kawasan Larkin, Johor melibatkan 8,000 pengguna.

Gangguan berpunca daripada kerosakan kabel TNB di Jalan Dato Jaafar (berhampiran Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan). Kejadian tersebut berlaku bermula jam 1:31 pagi hingga 4:47 pagi pada 27 Februari.

Ia adalah kes yang keenam selepas kerosakan kabel TNB di antara pencawang masuk utama (PMU) Kajang dan stesen suis utama (SSU) MRT Kajang pada 19 Februari lalu, akibat kerja pengorekan pihak ketiga. Kerosakan di Kajang, Selangor itu, menyebabkan operasi Transit Aliran Massa (MRT) bagi laluan Sungai Buloh ke Kajang (SBK) tergendala seketika.

Sepanjang 2019, sebanyak 689 kes gangguan bekalan akibat kerja pengorekan pihak ketiga dilaporkan di Semenanjung dan menyebabkan ketidak selesaan kepada 530,000 pengguna. Di Johor pula, sebanyak 56 kes gangguan bekalan elektrik dicatatkan membabitkan seramai 46,337 pengguna.

“Kami ingin mengulangi saranan kepada semua pihak yang menjalankan kerja-kerja pengorekan agar menghubungi TNB sebelum memulakan sebarang kerja,” kata Head (Operations) Distribution Network, TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.

“Semakan awal dengan kami boleh mengurangkan risiko berlakunya kejadian kerosakan kabel bawah tanah TNB, seterusnya mengurangkan gangguan bekalan.”

Pihak kontraktor juga boleh memaklumkan kerja-kerja pengorekan yang bakal dilakukan melalui portal ‘Call Before You Dig’ (www.cbyd.com.my), tambah Wan Nazmy.

Portal itu membolehkan kontraktor menyemak dengan pembekal utiliti mengenai saluran kabel atau paip di kawasan kerja bakal dilakukan.

Untuk mendapatkan maklumat berkaitan gangguan bekalan elektrik, sila hubungi TNB CareLine 15454.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 2 Mac 2020, jam 2.45 petang

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524
atau emel ke media@tnb.com.my*

Caption:



Pasukan teknikal TNB giat membaiki kerosakan pada kabel TNB di Jalan Dato Jaafar yang telah menyebabkan gangguan bekalan di sekitar Larkin pada 1:31 pagi 27 Februari lalu.

S.A. 2020/03/20 (HQ)



Gangguan bekalan di sekitar Larkin, Johor berpunca daripada kerosakan kabel TNB di Jalan Dato Jaafar yang disebabkan oleh kerja-kerja pengorekan pihak ketiga.